

03 DEC 1997

PNB JANGKA PERTUMBUHAN PELABURAN MESKIPUN PASARAN SAHAM JATUH

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd, amanah saham nasional, tetap menjangkakan pertumbuhan pelaburan bersih meskipun pasaran saham jatuh, kata ketua eksekutif kumpulannya, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.

Harga-harga saham Amanah Saham Nasional (ASN), salah satu daripada dana yang diuruskan oleh PNB, telah jatuh kepada sekitar 80 sen daripada RM1.50 sebelumnya, tetapi Mohd Hilmey mendapati bahawa pelaburan bersih bulanan telah meningkat dan, setakat Oktober, jumlahnya ialah lebih sedikit daripada 124.2 juta unit.

Setakat Oktober juga, Amanah Saham Bumiputera (ASB), satu lagi dana PNB, mencatat pelaburan bersih lebih daripada 138.5 juta unit.

Mohd Hilmey berkata pada sesi akhir persidangan dua hari mengenai tinjauan ekonomi negara di sini hari ini, bahawa kejayaan skim ASN dan ASB telah mendorong dan membuka peluang baru kepada banyak institusi kewangan dan kerajaan negeri. Mereka pula telah mewujudkan amanah-amanah saham lain, seperti Pengurusan Amanah Saham Abrar, Amanah Saham Selangor dan Amanah Saham Kedah.

Industri ini di seluruh negara, meningkat sekali ganda dalam tempoh lima tahun, daripada 39 bilion unit pada tahun 1992 kepada 80 bilion unit tahun ini.

PNB tetap menjadi peneraju dengan 26.4 bilion saham, manakala ketiga-tiga dananya, ASN, ASB dan ASW 2020, secara tergabung menguasai 80 peratus nilai aset bersih industri ini.

Tidak termasuk PNB, dana-dana sokongan kerajaan menguruskan aset bersih berjumlah RM4 bilion, manakala firma swasta menguruskan RM1.6 bilion.

Purata pulangan pelaburan tahun ini dijangka pada 10 peratus.

Apabila ditanya oleh pemberita kemudiannya, mengenai pulangan dividen bagi skim ASB, Mohd Hilmey berkata: "Saya tak berani kata apa-apa. Tapi, cadangan dividen telahpun dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kita akan tahu bila dia buat pengumuman nanti."

Beliau juga berkata, sejajar dengan kempen untuk meningkatkan penabungan negara, kerajaan bercadang mengadakan usaha supaya industri ini menambah pegangan ekuitinya di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Amanah saham kini memiliki saham bersamaan 7.5 peratus keseluruhan permodalan pasaran. Matlamatnya ialah untuk menambah agihan ini kepada 15 peratus menjelang tahun 2005 dan 40 peratus menjelang tahun 2020.

"Amanah saham telah memainkan peranan dalam menggalakkan penabungan dan kita nampak memang banyak ruang bagi peningkatannya," tegas beliau. --

BERNAMA

AA KY MA